

15/11/1997

Laketown Waterpark pemangkin ekonomi

TAIPING, Jumaat - Projek Bukit Merah Laketown Waterpark, di Bukit Merah dekat sini mampu menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi sekitar kawasan itu selain menyediakan peluang pekerjaan dan pertambahan penduduk.

Menteri Besar, Tan Sri Ramli Ngah Talib, yakin kawasan itu selain Lembah Beriah mampu dibangunkan sebagai pusat pertumbuhan ekonomi yang utama di Utara Perak bagi memanfaatkan kedudukannya berhampiran Pulau Pinang dan Kedah.

Menurutnya, kebanyakan penduduk kawasan itu asalnya petani yang bergantung hidup pada hasil sawah padi, tetapi kini dengan adanya projek Bukit Merah Laketown Waterpark, rezeki mereka dipelbagaikan.

"Pendekatan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk menggalakkan projek seperti ini serta industri angkasa lepas, automotif dan Teknologi Maklumat (IT) memberi kerajaan negeri dan kakitangannya motivasi yang tinggi untuk memajukan negeri dan negara.

"Kebanyakan kemajuan yang difikirkan Perdana Menteri sendiri diharap membawa lonjakan untuk meningkatkan kemajuan kita," katanya di perasmian Bukit Merah Laketown Waterpark yang disempurnakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, petang semalam.

Projek itu dibangunkan oleh Segi Objektif (M) Sdn Bhd, iaitu anak Syarikat Kumpulan Emkay membabitkan kos pembinaan RM3 bilion. Antara kemudahan di situ ialah taman tema air, marina dan Bandar Tasik Bukit Merah yang dibangunkan atas kawasan seluas 660 hektar serta dilengkapi pelbagai pusat rekreasi air dan kawasan memancing.

Pengerusi Eksekutif Kumpulan Emkay, Datuk Mustapha Kamal Abu Bakar, berkata melalui konsep penswastaan pinggir tasik terbiar itu, rakyat kini menikmati peluang pekerjaan, latihan profesional dan kemudahan pendidikan.

"Sebagai hasil dari pembangunan kawasan ini, nilai tanah mereka meningkat naik dengan cepat manakala kerajaan negeri mendapat pulangan dalam bentuk kutipan hasil cukai tanah dan premium tanpa sebarang risiko pembangunan," katanya.

(END)